



**TEKS UCAPAN Y. BHG. PENDAFTAR UTM SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT
UTM DI DATARAN DATUK JALOK, BENUT PONTIAN
JOHOR.**

Yang Berhormat Datuk Hj. Ahmad bin Hj. Maslan

Timbalan Menteri Kewangan merangkap Ahli Parlimen
Pontian,

Yang Berhormat Datuk Tee Siew Kiong

Exco Pelancongan, Kebudayaan dan Kepenggunaan
Merangkap ADUN Pulai Sebatang,

Y. Bhg. Tn. Hj. Muji bin Salimon

Pegawai Daerah Pontian,

Y. Berusaha En. Halim bin Adam

Pengarah Keselamatan UTM,

Y. Berhormat-Y.Berhormat, Pegawai-pegawai dan hadirin yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum wm. wbr. dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu ingin saya mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi Majlis kerana menjemput saya untuk menyampaikan kata-kata aluan kepada majlis dan tetamu yang hadir pada hari ini.

Saya ingin mengucapkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah izinNya dapat kita bersama-sama hadir di majlis perasmian program khidmat masyarakat UTM di daerah Pontian. Turut dipanjangkan selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW serta Sahabat Baginda.

Sebagai pembuka bicara, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan mengalu-alukan Y. B. Datuk Hj. Ahmad Hj. Maslan, Ahli Parlimen Pontian, merangkap Timbalan Menteri Kewangan, Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, ADUN Pulau Sebatang, Y. Bhg. Tn. Hj. Muji Salimon, Pegawai Daerah Pontian, serta Pegawai Kanan UTM yang sudi meluangkan masa hadir ke Majlis perasmian program Khidmat Masyarakat UTM di Benut, Pontian.

Saya juga amat berbesar hati dan mengalu-alukan semua pihak yang sama-sama menyokong program ini termasuk pihak urus setia, penggerai, penduduk setempat dan semua yang datang dalam menjayakan program kami UTM di daerah Pontian.

Tuan/puan sekalian,

Program khidmat masyarakat UTM seperti yang akan di adakan pada hari ini hingga Ahad merupakan satu usaha pihak kami bagi mendekati masyarakat di samping mengeratkan lagi hubungan antara Universiti/industri/masyarakat setempat. Program ini merupakan salah satu KAI Universiti yang perlu dijayakan oleh setiap jabatan di UTM. Pihak UTM melalui Pejabat Pendaftar telah merancang program sebegini setiap tahun bertujuan merapatkan pihak masyarakat berhampiran UTM dan membantu usaha pihak kerajaan untuk meningkatkan tahap sosio ekonomi penduduk.

Program ini secara khususnya bermatlamat untuk menyemai budaya dan nilai-nilai murni serta menanam semangat kemasyarakatan yang utuh dalam kalangan

mahasiswa. Pembudayaan ini dilaksanakan melalui model unggul yang menggabungkan ilmu, teori dan pengalaman agar dapat mewujudkan generasi masa hadapan yang celik tentang ilmu komuniti dan kemasyarakatan.

Selain itu, dasar keterbukaan yang diamalkan oleh pihak universiti sendiri membolehkan mahasiswa menyertai seberapa banyak program yang dijalankan di dalam kampus mahupun di luar kampus. Mahasiswa turut diberi kebebasan untuk menyertai aktiviti-aktiviti yang melibatkan pelbagai kaum, bangsa dan agama. Aktiviti-aktiviti seperti ini dapat melahirkan seorang mahasiswa yang berketerampilan tinggi, berkeyakinan serta sentiasa berusaha untuk memajukan dirinya dalam apa juga bidang yang diceburi.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Di pihak UTM, kami mempunyai beberapa kepakaran yang mana boleh di manfaatkan kepada masyarakat melalui pemindahan teknologi melalui program-program khidmat masyarakat. Pada kali ini antara pemindahan teknologi yang kami jangka dapat memberi keuntungan kepada penduduk/masyarakat khususnya di Benut ini ialah melalui bengkel simenfero, bot berasaskan fiber dan masakan. Adalah diharapkan dengan bengkel-bengkel yang di adakan nanti akan menjadi asas kepada pihak masyarakat, persatuan/kumpulan belia di daerah ini untuk melebarkan usaha pembangunan ekonomi mereka melalui pemindahan teknologi berkaitan.

Di samping projek utama yang disebutkan tadi, pihak UTM turut mengadakan projek ceramah keagamaan

(Contohnya; forum perdana dan bengkel pengurusan jenazah), kempen kesihatan (contohnya; Pemeriksaan Kesihatan dan Majlis Berkhatan) dan bengkel motivasi serta matematik. Selain itu, pada kali ini pendekatan program khidmat masyarakat UTM juga mempunyai sedikit pembaharuan. Difahamkan hasil dari cadangan pihak Pejabat Daerah Pontian, kami selitkan juga khemah-khemah berbentuk karnival produk oleh pihak syarikat dan gerai jualan oleh penggerai. Ini semua bertujuan bagi menjadikan program khidmat masyarakat yang dianjurkan dapat memberi kesan dan impak yang tinggi kepada masyarakat kawasan ini.

Tuan/puan sekalian,

Penganjuran program khidmat masyarakat oleh pihak UTM memerlukan daya usaha yang tinggi sama ada dari

segi pelaksanaan mahupun penjanaan sumber kewangan. Program-program berasaskan teknologi selalunya memerlukan dana yang besar. Memandangkan UTM bukan organisasi berasaskan keuntungan, maka bagi melaksanakan program seperti hari ini kami memerlukan bantuan dan sokongan kewangan, harta benda dan sumber tenaga dari pihak penaja. Malah selalunya ini merupakan cabaran utama untuk mengadakan program seumpamanya dengan lebih kerap.

Sehubungan dengan perkara di atas, saya sebagai mewakili pihak urus setia Pejabat Pendaftar (Bahagian Keselamatan), ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada semua pihak yang telah menyokong program ini sama ada dalam bentuk wang ringgit, tenaga, buah fikiran, harta benda, bahan mentah dan sebagainya. Kepada Yang Berhormat yang telah turut

menyumbangkan masa dan dana, saya rakamkan ucapan terima kasih, tidak lupa juga kepada syarikat korporat/perniagaan dan individu yang menyokong serta menjayakan program ini. Bak kata pepatah '*kecil tapak tangan, nyiru kami tadahkan*'. Sokongan dan sumbangan dari semua pihak yang terbabit bagi menjayakan program ini juga adalah amat dihargai dan saya dahului dengan ucapan terima kasih. Akhir sekali saya turut merakam setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak urus setia Pejabat Pendaftar, Kolej Tun Razak, semua jabatan yang terlibat, warga Daerah Pontian, yang bertungkus lumus tanpa penat dan jemu untuk memastikan program ini berjalan lancar seperti yang dirancang. Syabas untuk semua.

Akhir bicara serangkap pantun saya tujukan khas buat warga Daerah Pontian,

*Perahu Mudik Di Air Tenang,
Hampir Karam Penuh Muatan,
Jasa Warga Pontian Kami Kenang,
Mudahan Hidup Dalam Keberkatan*

Sekian dan terima kasih. Wassalamualaikum WBT dan salam sejahtera.